

Menjangkau setiap pelusuk


Reaching the unbanked

Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam kemasukan kewangan hasil daripada usaha yang semakin intensif sepanjang tahun dalam mempromosikan akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan kepada setiap segmen masyarakat. Kemudahan kewangan disediakan hampir ke semua sub-daerah, didorong oleh pengenalan bank ejen sejak 2012. Data yang disediakan oleh institusi kewangan menunjukkan bahawa 95% orang dewasa di Malaysia mempunyai akaun deposit.

Malaysia has made significant strides in financial inclusion, as a result of intensified efforts over the years in promoting access and usage of financial services to all segments of the society. Financial access points are present in almost all sub-districts, propelled by the introduction of agent banks since 2012, while data provided by financial institutions shows that 95% of Malaysian adults have deposit accounts.




Bank memenangi anugerah berprestij Maya Declaration Award and Alliance for Financial Inclusion (AFI) Leadership Award di Majlis Anugerah Dasar AFI Tahunan, 2015
The Bank won the prestigious Maya Declaration Award and Alliance for Financial Inclusion (AFI) Leadership Award at the Annual AFI Policy Awards, 2015



Penanda rangkuman kewangan pilihan
Selected financial inclusion indicators

Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa

Malaysia as an international Islamic financial hub



Negara-negara peneraju kewangan Islam
Leading countries in Islamic finance

Sejak tahun 1980-an, Malaysia telah menerajui pembangunan perbankan dan kewangan Islam. Pada abad ke-21, Malaysia menjadi sebuah hab kewangan Islam antarabangsa yang penting. Sistem kewangan Islam di Malaysia kini menjadi sistem kewangan yang komprehensif yang turut merangkumi pasaran wang Islam, insurans Islam (takaful), pasaran modal Islam dan beberapa institusi kewangan khusus yang menyediakan sumber kewangan alternatif.

Since the 1980s, Malaysia has been at the forefront of the development of Islamic banking and finance, emerging as an important international Islamic financial hub in the 21st century. The Islamic financial system in Malaysia has now become a comprehensive financial system that also encompasses the Islamic money market, Islamic insurance (takaful), the Islamic capital market and several specialised financial institutions providing alternative sources of financing.



Gabenor Zeti Akhtar Aziz diperkenalkan kepada Putera Charles di Islamic Financial Services Industry and Global Regulatory Environment, London, United CBA Kingdom, 10 Mei 2004

Governor Zeti Akhtar Aziz is introduced to Prince Charles at the Islamic Financial Services Industry and Global Regulatory Environment, London, United Kingdom, 10 May 2004



Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, Gabenor Dr Zeti Akhtar Aziz dan ahli jawatankuasa Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) selepas perasmian IFSB di Kuala Lumpur, November 2002

Prime Minister Dr Mahathir Mohamad, Governor Dr Zeti Akhtar Aziz and members of the Islamic Financial Services Board (IFSB) committee after the inauguration of IFSB in Kuala Lumpur, November 2002